



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**26 Syawal 1441 / 18 Jun 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Khamis, 26 Syawal 1441H bersamaan 18 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, seramai **17 orang** masih menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai **2,806 orang** telah menamatkan tempoh kurantin dan adalah dalam keadaan yang baik. Walau bagaimanapun, terdapat **313 orang** yang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh

Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **2,419 orang** telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **331 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **25,931 ujian.**

4. Semasa sidang media pada 15 Jun yang lalu, Kementerian Kesihatan telah memaklumkan mengenai satu kajiselidik serologi yang diadakan pada minggu ini di beberapa buah masjid yang terpilih. Dalam hal ini, Kementerian ini telah mendapat maklum berkenaan dengan berita tular mengenai salah seorang peserta kajiselidik yang didapati positif semasa kajiselidik tersebut. Untuk makluman orang ramai kajiselidik serologi ini adalah bertujuan untuk menganggarkan kadar penduduk di negara ini yang pernah dijangkiti oleh virus tersebut dalam masa beberapa bulan sebelum ini. Ini akan

membantu Kementerian Kesihatan menetapkan garis dasar atau *baseline* kekebalan penduduk atau *population immunity* bagi jangkitan tersebut. Bagi peserta-peserta kajiselidik yang didapati positif ujian serologi ini bermakna mereka pernah dijangkiti virus tersebut pada satu ketika dan besar kemungkinan mereka sendiri tidak mengetahui yang mereka telah dijangkiti. Untuk memastikan mereka tidak mempunyai jangkitan yang aktif pada masa ini, mereka dan ahli keluarga yang tinggal serumah dengan mereka akan diataskan untuk menjalani ujian swab bagi SARS-CoV-2.

5. Untuk makluman orang ramai, setakat ini seramai 5 orang telah didapati positif bagi ujian serologi dan kemungkinan jumlah ini akan bertambah. Namun demikian, Alhamdulillah, peserta-peserta kajiselidik yang didapati positif serologi berserta dengan ahli keluarga mereka telah didapati negatif ujian swab bagi SARS-CoV-2 dan disahkan tidak mempunyai jangkitan yang aktif. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak merasa cemas atau bimbang jika menerima berita mengenai sesiapa yang didapati positif ujian serologi ini. Kementerian Kesihatan

akan memaklumkan hasil kajiselidik ini pada masa yang terdekat setelah penganalisaan selesai dibuat nanti.

6. Berikutan makluman mengenai ***BruHealth App***, Alhamdulillah setakat ini seramai **389,056 ahli** telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. **Bagi syarikat dan premis pula sejumlah 9,647** telah mendaftar kepada aplikasi BruHealth. Manakala, sebanyak **5,020 premis perniagaan** telah memuat turun aplikasi premiseScan. Sehubungan dengan aplikasi premiseScan ini, semua premis-premis adalah dinasihatkan untuk memuat turun aplikasi tersebut bagi memudahkan pengimbasan kod QR terutama sekali kepada orang ramai yang tidak mempunyai telefon bimbit untuk masuk ke premis berkenaan.
  
7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 26 Syawal 1441H / 18 Jun 2020